



KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
MALAYSIA

SIARAN MEDIA

**KOPERASI KLUSTER KOKO SARAWAK PERKASAKAN AKTIVITI
AGROPELANCONGAN**

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi, YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof hari ini telah merasmikan Hari Berandau dan Koperasi Kluster Koko Sarawak 2023 di Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Koko, Kota Samarahan.

Sempena Hari Berandau anjuran Lembaga Koko Malaysia (LKM) ini, YAB Dato' Sri Haji Fadillah telah menyempurnakan pelancaran aktiviti komoditi-pelancongan (agropelancongan) melibatkan lawatan sambil belajar (*education tour*) di bawah pengendalian Koperasi Kluster Koko Sarawak yang mampu melestarikan sumbangan agensi komoditi dalam membangunkan ekonomi di wilayah Sarawak.

Operasi kompleks koperasi ini dijalankan oleh Koperasi Kluster Koko Sarawak Berhad atau singkatan ringkasnya 3KQ. Antara aktiviti agropelancongan meliputi pendedahan aktiviti jual-beli biji koko kering, pemprosesan biji koko, penghasilan coklat blok dan pralin serta galeri jualan.

Aktiviti agropelancongan tersebut bakal dilaksanakan dengan kerjasama Pejabat Residen Samarahan, *Sarawak Tourism Board* (STB), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan agensi-agensi pelancongan di Sarawak serta Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai dan pelancong mengenai kepentingan dan potensi industri koko di Sarawak, pengunjung bukan sahaja dapat mengadakan lawatan santai tetapi juga mempelajari tentang rantaian pemprosesan koko bermula dari tanaman sehingga ke produk siap coklat.

Kompleks Kluster Koko Sarawak telah mula beroperasi secara rasmi sejak 12 Disember 2021 dan merupakan kompleks yang pertama seumpamanya di Malaysia yang berkonsepkan koko '*from farm to table*' dengan sumber biji koko tempatan diproses sehingga menghasilkan coklat *Single Origin* Sarawak.

Semasa majlis turut diadakan beberapa perjanjian persefahaman (MoU) antara Lembaga Koko Malaysia dengan pihak industri dan koperasi kluster koko serta penyampaian sijil kepada 10 orang penerima Anugerah '*Cocoa Excellence*' peringkat Kebangsaan.

Kementerian sentiasa mendukung pelbagai inisiatif yang dilaksanakan menerusi LKM dalam mempromosi dan memperkasa pembangunan industri koko secara berterusan.

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
30 SEPTEMBER 2023

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT | KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI



www.kpk.gov.my



Kementerian Perladangan dan Komoditi



mykomoditi

No. 15, Aras 8, Persiaran Perdana, Presint 2, 62654 Putrajaya, Malaysia.
Tel: 03-88803322 e-mel: ukk@kpk.gov.my